

UCAPAN PERDANA MENTERI DI PEMBUKAAN RASMI WISMA RADIO ANGKASAPURI, KUALA LUMPUR PADA 11HB MAC, 1973

Y.B. Tan Sri Ghazali,¹ Saudara-saudara sekalian,

Saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kerana diberi penghormatan untuk merasmikan Bangunan Kompleks Angkasapuri yang dikenal sebagai Wisma Radio atau Radio House ini.

Secara kebetulan acara pembukaan Wisma Radio ini diatitkan sebagai memperingati hari jadi saya yang kelima puluh satu hari ini dan saya berserta isteri saya sungguh merasa terharu atas sambutan yang begitu hebat dan meriah menunggu ketibaan saya berdua sebentar tadi.

Kepada semua yang berkenaan, khasnya Jawatankuasa Sambutan, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terimakasih atas usaha dan penat lelah mereka mengatitkan upacara petang ini yang akan menjadi kenang-kenangan bagi saya selamalamanya.

Pembukaan Wisma Radio ini merupakan satu peringkat penting dalam perkembangan dan kemajuan Jabatan Penyiaran dan dengan ini selesailah pembinaan Kompleks Angkasapuri yang telah bermula sejak lapan tahun dulu. Wisma Radio ini juga membuktikan bahawa siaran radio akan terus memainkan peranan penting dalam penghidupan rakyat, walaupun serentak dengan itu siaran Talivisyen sedang berkembang dengan pesatnya. Saya ingin melihat Wisma Radio ini menjadi pusat penyebaran maklumat dan penerangan melalui siaran-siarannya dengan tujuan memberi didikan dan bimbingan serta juga perangsang kepada rakyat dalam usaha kita membentuk masyarakat Malaysia yang baru.

Sebagai alat perhubungan atau mass media yang paling berkesan, radio mendekatkan rakyat dengan kemajuan dan pembangunan yang berlaku setiap masa, terutama sekali rakyat yang tinggal di pendalaman, di mana surat-surat khabar lambat atau pun tidak sampai langsung menemui mereka. Terutama sekali

¹ Y.B. Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas.

dalam context menyatukan rakyat yang duduk terpencil di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak, Radio hendaklah menjadi perantaraan yang efektif untuk menyampaikan amanat Kerajaan kepada rakyat dan dengan itu mendapatkan keyakinan dan sokongan mereka setiap masa.

Melalui rancangan-rancangannya sehari-hari, samada dalam bentuk ceramah, drama atau forum, kita boleh menimbulkan kesedaran dan menggalakkan inisiatif dikalangan rakyat, supaya mereka berusaha dengan lebih giat lagi serta mengubah sikap mereka selaras dan sesuai dengan kehendak masa.

Seperti kita sedia maklum, bagi negara yang muda terutama dalam zaman pembangunan, peranan radio sebagai apparatus perhubungan bukanlah untuk memberi hiburan semata-mata, tetapi yang lebih utama ialah menyampaikan ilmu pengetahuan, serta penerangan dan maklumat mengenai dasar Kerajaan dan projek-projek yang dijalankan untuk memberi rakyat kehidupan yang lebih baik dan sempurna. Sebenarnya, pada hemat saya, usaha dan kegiatan dibidang ini hendaklah dilipat-gandakan lagi supaya hasilnya benar-benar memberi faedah bukan saja kepada kita hari ini, bahkan juga untuk jenerasi-jenerasi akan datang.

Dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan khasnya, sangatlah mustahak rakyat diberitahu penerangan lengkap mengenai peluang-peluang yang terbuka kepada mereka supaya mereka dapat sama mengambil bahagian dan merasa nikmat dari rancangan-rancangan yang disediakan itu.

Saudara-saudara sekalian,

Usaha menyusun semula masyarakat kita hari ini dan mewujudkan satu masyarakat yang bersatu padu, dinamis dan progresif tentulah akan mengambil masa. Alat-alat mass media termasuk radio boleh membantu bagi mempercepatkan proses ini. Oleh itu, mustahaklah alat-alat ini dipergunakan sebaik-baiknya dan dijadikan punca utama dari mana rakyat mendapat dorongan dan ilham dan dengan berkat usaha mereka itu sendiri dapat menghasilkan cita-cita mereka dan objektif Kerajaan kita. Dari apa yang saya saksikan, terutama dalam lawatan saya baru-baru ini, saya sukalah mengambil peluang ini mengucapkan tahniah kepada anggota-anggota Radio Malaysia khasnya, dan Jabatan Penyiaran amnya, kerana menjalankan tugas dan kewajipan memainkan peranan mereka masing-masing dengan cergas dan penuh dedikasi.

Amatlah mustahak kita mempunyai keyakinan terhadap masa depan negara kita menunjukkan kejujuran dan dedikasi semasa menjalankan tugas sehari-hari. Kita mestilah menganggap kewajipan dan tanggungjawab yang berat itu sebagai tugas suci atau pun mission in life yang akan membawa negara kita mencapai tingkat kemajuan setaraf dengan lain-lain negara maju di dunia.

Saya sedar bahawa tugas-tugas masa hadapan kita adalah berat, tetapi saya percaya dengan ketabahan dan keazaman serta pengalaman professional saudara-saudara sekalian, tanggungjawab yang berat itu dapat disempurnakan dengan penuh kejayaan.

Seperti yang kita semua tahu, sementara kita sedang giat membangun sekarang ini, kita juga menghadapi kegiatan pengganas-pengganas komunis dan anasir-anasir anti-nasional yang bertujuan semata-mata hendak meruntuhkan negara dan memecah-belahkan perpaduan rakyat. Dalam hubungan ini, Radio dan TV Malaysia hendaklah menumpukan perhatian berat dan bersama-sama mengatur langkah menentang anasir-anasir itu. Rancangan-rancangan Radio dan TV hendaklah mengandungi unsur-unsur yang menarik seluruh rakyat supaya meletakkan kepercayaan penuh kepada Kerajaan, dan memberikan kerjasama penuh terhadap usaha dan langkah Kerajaan memulihkan kestabilan negara.

Saudara-saudara sekalian,

Negara kita hari ini menghadapi keadaan yang masih bergolak di dunia rantau ini. Meskipun persetujuan gencatan senjata telah dicapai, perdamaian yang sebenar belumlah wujud lagi. Perkembangan-perkembangan sekeliling kita hari ini menghendaki kita memainkan peranan yang positif dan kerana itu sangatlah mustahak kita meluaskan lagi bidang persahabatan kita supaya meliputi semua negara yang ingin bersahabat dengan kita.

Hakikat ini sangatlah nyata dalam context memelopori konsep berkecuali iaitu menjadikan rantau Asia Tenggara ini kawasan aman, bebas dan berkecuali. Di sini juga Radio Malaysia, khasnya Suara Malaysia, patut menggiatkan usahanya melalui rancangan-rancangan Perkhidmatan Luar Negeri supaya kita dapat menerangkan dengan jelas lagi dasar luar negeri kita serta meluaskan bidang persahabatan.

Dalam hal ini juga, Perkhidmatan Luar Negeri Radio Malaysia boleh disifatkan sebagai "salesman" iaitu menarik pelaburan yang

lebih banyak ke negara kita kerana keadaan politik dan ekonomi yang stabil dan imej kita yang baik di sisi dunia internasional.

Bagaimanapun, perkara yang pokok ialah perpaduan dan saya difahamkan bahawa corak siaran Radio hari ini menepati dasar dan cita-cita Kerajaan, iaitu hendak mewujudkan satu masyarakat baru berasaskan Rukunegara. Kalau tidak, segala usaha kita akan menjadi sia-sia kerana perpaduan merupakan landasan yang kukuh bagi kestabilan dan keamanan.

Saudara-saudara sekalian,

Seperti saya katakan tadi, Wisma Radio ini melengkapkan keperluan penyiaran negara di samping studio talivisyen yang sedia ada itu. Saya percaya dengan adanya kemudahan-kemudahan yang serba moden di bangunan baru ini, setiap pekerja di sini akan lebih selesa bertugas untuk memberikan sepenuh-penuh khidmat kepada masyarakat, bangsa dan negara. Saya yakin dengan semangat dedikasi dan keazaman yang teguh dikalangan pekerja-pekerja semua, rakyat dan juga Kerajaan penuh yakin menantikan masa depan yang lebih cemerlang, dan bersama-sama berganding bahu melangkah maju menjadikan Malaysia kita ini sebuah negara yang aman damai, makmur dan bahagia.

Dengan sukacitanya saya merasmikan pembukaan Bangunan Kompleks Wisma Radio ini dan mengucapkan selamat berjaya!